

Penyiasatan yang telus dan kecekapan Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali berhubung dana 2.6 bilion yang dihadapi oleh Perdana Menteri Najib Tun Razak tak perlu di persoalkan.

By Admin

Published on January 27, 2016

Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berharap dan menegaskan agar tiada individu-individu mempersoalkan kecekapan dan kebebasan institusi negara dalam isu SRC International dan dana 2.6 bilion.

Peguam Negara menegaskan tiada sebarang kesalahan jenayah di lakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam isu SRC dan dana 2.6 bilion itu.

Keterangan dan siasatan tidak menunjukkan kesalahan jenayah mahu pun rasuah diatas sumbangan dana tersebut,yang diberikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai sumbangan peribadi beliau diatas kredibiliti pimpinan dan kepercayaan keatas Perdana Menteri tanpa diminta sebarang pembalasan.

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata,saya sendiri mengetahuinya kerana saya telah bertemu dengan penyumbang itu.Perdana Menteri sendiri memilih untuk menggunakan sumbangan itu sebagai faedah parti dan masyarakat yang memerlukan.

Dan jangan ada ahli-ahli politik merosakan reputasi kerajaan dan negara untuk tujuan politik peribadi kerana keutamaan negara perlu di utamakan.

Kita perlu bersedia diserang oleh pihak lawan yang cuba merosakan reputasi dan tuduhan palsu dengan tujuan ingin menjadi pengganti.

Berdasarkan keterangan saksi dan dokumen sokongan yang dikemukakan,bahawa tiada apa-apa kesalahan jenayah terhadap dana 2.6 bilion itu.

Sehubung dengan perkara itu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menutup kertas siasatan tersebut.

Blog at WordPress.com.

Source: <http://zahidhamidi.com/2016/01/27/penyiasatan-yang-telus-dan-kecekapan-peguam-negara-tan-sri-mohamed-apandi-ali-berhubung-dana-2-6-bilion-yang-dihadapi-oleh-perdana-menteri-najib-tun-razak-tak-perlu-di-persoalkan/>